

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI

SAMAN NO : 11100-011-00XX-20XX

ANTARA

PQRS BIN SSTU

PEMOHON

KP : XXX405-11-54XX

DENGAN

JKLM BINTI VWXY

RESPONDEN

KP : XXX222-11-50XX

DI HADAPAN YANG ARIF,

TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN, SMT., AMZ., PJK.,

HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,

DI KUALA TERENGGANU

PADA HARI AHAD, 00 SYAWAL 14XXH,

BERSAMAAN 00 JUN 20XX.

ALASAN PENGHAKIMAN

- [1] ATAS PERMOHONAN Pemohon, PQRS BIN SSTU No. KP: XXX405-11-54XX, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Kamar Bicara, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Pemohon dan tanpa kehadiran Responden pada tarikh 00 Jun 20XX. Pihak-pihak tidak diwakili mana-mana Peguam Syarie. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Pemohon beserta afidavit Pemohon yang diikrarkan pada tarikh 00 Jun 20XX. MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT;

Permohonan yang didengar ini adalah permohonan untuk berpoligami iaitu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin dengan seorang perempuan sebagai isteri

kedua, yang mana Pemohon pada masa permohonan ini dibuat telah dan masih mempunyai seorang isteri. Permohonan Pemohon, PQRS BIN SSTU No. KP: XXX405-11-54XX adalah untuk mendapatkan kelulusan berpoligami menurut **Seksyen 22 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.**

[FAKTA DAN LATARBELAKANG KES]

- [2] Permohonan yang didengar ini adalah permohonan untuk berpoligami iaitu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin lagi dengan seorang perempuan sebagai isteri yang kedua (2), yang mana pemohon, PQRS BIN SSTU No. KP: XXX405-11-54XX pada masa permohonan ini dibuat telah dan masih mempunyai seorang isteri, JKLM BINTI VWXY No. KP: XXX222-11-50XX (Responden).
- [3] Pemohon dan Responden (isteri pertama) telah berkahwin pada tarikh 00 November 20XX bersamaan 00 Syawal 14XXH dan telah dikurniakan empat (4) orang cahaya mata dan Responden bekerja sebagai seorang guru yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM4,165.66 sebulan.
- [4] Pemohon juga bekerja sebagai dengan pendapatan bulanan sebanyak RM4,165.66 sebulan.
- [5] Pemohon bercadang untuk berkahwin dengan seorang perempuan bernama JAMIMI BINTI JANNAH No. KP: XXX713-11-58XX berumur 48 tahun dan bakal isteri Pemohon juga seorang guru.
- [6] Permohonan ini merupakan permohonan kedua (2) Pemohon untuk mendapatkan kebenaran berpoligami daripada Mahkamah Yang Mulia ini. Permohonan kali pertama telah difaikkan oleh Pemohon pada tarikh 00 Januari 20XX melalui Permohonan No.: 11100-011-00XX-20XX yang mana Hakim Bicara telah meluluskan permohonan terdahulu. Tempoh keesahan perintah tersebut adalah selama satu (1) bulan dari tarikh perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[7] Antara alasan yang dikemukakan oleh Pemohon dalam affidavit yang telah diikrarkan adalah:

- i. Pemohon mempunyai kemampuan dari segi pendapatan dan kesihatan;
- ii. Pemohon telah mendapat kebenaran daripada wali bakal isteri;
- iii. Untuk mengelak berlakunya perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak;
- iv. Lain-lain alasan yang munasabah berhubung dengan permohonan berpoligami Pemohon.

[BIDANGKUASA MAHKAMAH]

[8] Setelah mendengar Mahkamah memutuskan bahawa permohonan poligami ini adalah mengikut peruntukan subseksyen 11 (3) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:-

Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

11. (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

- (a)
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –
 - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;

[9] Subseksyen di atas adalah dibaca bersama seksyen 22 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu:-

Poligami

22. Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang perempuan lain di mana-mana tempat dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dan Hakim Syarie.

- [10] Berdasarkan peruntukan di atas, kelulusan poligami boleh diberi oleh mana-mana Hakim Syarie sama ada Hakim Mahkamah Rendah, Hakim Mahkamah Tinggi atau pun Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Arahan Amalan No. 14 Tahun 2006 menjelaskan bahawa:

"Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa bidangkuasa membicarakan kes poligami dan pengisytiharan peruntukan dan pembahagian harta sepencarian dan perkara-perkara lain yang berkaitan di bawah Seksyen 23 Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah".

- [11] Pemohon dalam keterangan menyatakan bahawa Responden pada awalnya Responden tahu dan Responden sedikit bermasam muka ketika Pemohon memaklumkan tetapi Responden tidak menentang atau membantah cakap Pemohon malah Responden juga tidak hadir ketika perbicaraan tersebut.
- [12] Sebelum Mahkamah memutuskan kes ini Mahkamah telah meneliti isu-isu berkaitan yang boleh memberi sandaran ke atas penghakiman ini. Mahkamah berpendapat dua (2) isu yang perlu diputuskan adalah:-

- i. Samada Pemohon memenuhi syarat-syarat poligami menurut Hukum Syarak?
 - ii. Samada Pemohon mempunyai sebab atau alasan yang diharuskan untuk berpoligami mengikut Hukum Syarak.
- [13] Merujuk kepada isu pertama, Mahkamah berpendapat selain dari syarat-syarat kelayakan biasa mengikut Hukum Syarak untuk seseorang lelaki itu boleh berkahwin seperti seorang yang berakal, dengan pilihan sendiri dan lain-lainnya, dalam perkahwinan secara poligami ada dua (2) syarat tambahan utama yang perlu ada pada seseorang lelaki yang ingin berpoligami iaitu syarat pertama adalah seseorang itu boleh berlaku adil kepada isteri-isterinya setelah berpoligami dan syarat kedua pula seorang yang berkemampuan atau berkelayakan.
- [14] Berhubung dengan **syarat pertama**, iaitu berlaku adil di kalangan isteri-isteri bermaksud melakukan keadilan di kalangan isteri-isteri, iaitu menyamaratakan di antara para isteri dalam aspek material (nafkah zahir) meliputi tempat tinggal, makan minum, pakaian dan sebagainya. Di sini keadilan menjadi faktor yang sangat kritikal dalam berpoligami. Lantaran itulah, Allah S.W.T telah menegaskan berkenaan perkara ini di dalam Al-Quran, Allah berfirman dalam Surah al-Nisa' ayat 3 yang berbunyi :

فَإِنْكِحُوْمَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتْنَىٰ وَثُلَّتَ وَرُبْعٌ فَإِنْ خَفْتُمُ الْاَتَّعْدَلُوْا
فَوْحِدَةً....

Bermaksud:-

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain), dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu itu, maka berkahwinlah dengan seorang sahaja”.

- [15] Jelas bahawa ayat ini membawa pengertian Allah mengharuskan seseorang lelaki itu mengahwini perempuan sehingga empat (4) orang dengan syarat lelaki berkenaan berkeyakinan boleh berlaku adil. Secara logiknya, jika seseorang itu tidak dapat berlaku adil maka dengan sendirinya pengharusan tersebut tidak diperolehi. Perkahwinan lebih dari satu ini tidak diharuskan atau dengan kata lain ditegah sama sekali.
- [16] Meneliti kepada keratan ayat (فَإِنْ خَفْتُمْ) yang bererti “andainya kamu takut” bermaksud sekiranya seseorang itu merasa takut atau bimbang dirinya tidak akan dapat berlaku adil dengan perkahwinan yang seterusnya, maka Allah menegaskan supaya membataskan isterinya kepada seorang sahaja. Apatah lagi kalau sekiranya ia tidak mempunyai alasan yang cukup kuat atau sebab-sebab tertentu yang mendesak untuk berkahwin lagi. Tegahan berpoligami seperti yang dijelaskan di atas adalah untuk mengelak daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa dan masalah yang berterusan terhadap wanita.
- [17] Seterusnya tentang kewajipan berlaku adil terhadap isteri-isteri bagi mereka yang berpoligami telah dijelaskan oleh hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:-

أَنَّ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَاءٌ تَنْ فَمَالَ إِلَى احْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَقَّهُ مَائِلٌ

Terjemahan:

“Barang siapa yang mempunyai dua orang isteri, sedang ia melebihkan salah satu di antara mereka. Maka ia akan datang pada hari kiamat nanti dengan keadaan bahunya yang senget sebelah”.

- [18] Keadilan di sini bukanlah bermaksud menyamakan dari segi perasaan dan kasih sayang. Ia tidak dikehendaki sebegitu kerana ia tidak termampu oleh

seseorang, syaratnya hanyalah mentaklifkan apa yang termampu oleh seseorang. Keadilan di sini melibatkan perkara wajib seperti memberi nafkah zahir dan batin, mengatur giliran bermalam, diundi untuk dibawa bermusafir dan sebagainya. Keadilan ini juga bukan sahaja wajib bagi suami terhadap isteri-isterinya, tetapi juga kepada anak-anaknya yang berlainan ibu. Perlu ditekankan di sini bahawa keadilan yang dituntut itu tidaklah semata-mata dalam hal kemampuan suami dari segi kewangan untuk menyara hidup lebih daripada seorang isteri. Malahan dia mestilah berlaku adil dalam pelbagai hal, termasuklah dari segi meluangkan waktu, memberikan sokongan dan memainkan peranan sebagai seorang pembimbing kepada anak-anaknya.

- [19] Allah S.W.T menegaskan tentang syarat adil dalam berpoligami supaya suami tidak terjerumus dalam melakukan kezaliman terhadap isteri-isteri dengan meninggalkan salah seorang daripadanya seperti sesuatu yang tergantung, iaitu menyebabkan isteri tersebut tidak dapat mengecapi hak-hak suami isteri dan tidak pula diceraikan sebagaimana Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' ayat 129 yang berbunyi :

وَلَنْ تَسْتَطِعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ
فَتَذَرُّوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوهَا وَتَنْقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ١٢٩

Maksudnya :

"Dan kamu tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun bersungguh-sungguh (hendak melakukannya) oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awangan)".

- [20] Sebelum memberi kebenaran kepada Pemohon untuk berpoligami Mahkamah melihat kepada kemampuan Pemohon dari segi kebolehan Pemohon untuk berlaku adil. Dari segi keadilan Mahkamah memberi pertimbangan bahawa Pemohon adalah seorang yang boleh berlaku adil

terhadap kedua-dua orang isterinya. Di sini Mahkamah mengambil kira persetujuan Responden terhadap permohonan ini adalah berdasarkan kepada tiada apa-apa bantahan yang dikemukakan kepada Mahkamah sehingga kes selesai. Ketidakhadiran Responden ke Mahkamah juga menunjukkan bahawa Responden tiada bantahan terhadap permohonan Pemohon walaupun pada sebutan kali pertama di hadapan Pendaftar Responden telah diarahkan untuk memfailkhan Afidavit Jawapan memandangkan Responden tidak bersetuju dengan permohonan Pemohon. Justeru itu, Mahkamah berpuashati dengan syarat yang pertama bahawa Pemohon boleh berlaku adil dalam poligami.

- [21] Seterusnya berhubung dengan syarat kedua, disyariatkan dalam poligami ialah berkemampuan. Syarat yang kedua ini merujuk kepada kemampuan suami dari segi fizikal dan material. Dari segi fizikal bermaksud suami tersebut hendaklah sihat tubuh badan dan tidak menghidapi sebarang penyakit yang kronik. Manakala dari segi material pula membawa maksud seorang suami itu hendaklah mempunyai kemampuan dari segi kewangan iaitu mampu memberi nafkah kepada isteri-isterinya. Di antara nas al-Quran yang menyentuh tentang kewajipan nafkah terhadap isteri ialah firman Allah Taala di dalam surah al-Baqarah ayat 233 berbunyi :

... وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

Bermaksud:

"...Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu dengan cara yang makruf..."

- [22] Seterusnya dalil Sunnah yang menyebut tentang perkara tersebut ialah sebuah hadis Nabi S.A.W yang diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud dan Malik serta lain-lain dari Jabir R.A berbunyi :

اتقوا الله في النساء فإنهن عنوان عندكم ، أخذتهن بأمنة الله ، واستحللتكم فروجهن بكلمة الله ، وهن

عليکم ورزقهن وكسوتحن بالمعروف

Terjemahannya:

"Takutlah kepada Allah dalam urusan perempuan. Sesungguhnya mereka tiada kebebasan di sisi kamu, kamu mengambil mereka dengan amanah Allah S.W.T dan kamu menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah S.W.T. Dan wajib ke atas kamu memberi makan dan pakaian kepada mereka dengan cara makruf".

- [23] Nafkah yang dimaksudkan di dalam konteks ini ialah nafkah zahir. Ulama bersepakat bahawa yang dikatakan berkuasa menanggung nafkah itu ialah berkuasa menanggung makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal para isteri. Dalam soal ini, suami tidak boleh mengurangkan nafkah seorang isterinya dengan alasan isteri mempunyai sumber kewangan sendiri, apatah lagi mengurangkan nafkah isteri pertama dengan alasan terpaksa berkongsi dengan isteri yang baru.
- [24] Sebelum memberi kebenaran kepada pemohon untuk berpoligami Mahkamah melihat kepada kemampuan pemohon dari segi material, ia merujuk kepada perihal kewangan pemohon. Berdasarkan kepada keterangan Pemohon dan afidavit yang diikrarkan, pemohon merupakan seorang guru dengan pendapatan bulanan Pemohon sebanyak RM4,165.66 sebulan. Pemohon dalam keterangan juga menyatakan Pemohon tidak sempat berkahwin dengan bakal Isteri disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pada masa yang sama Bakal Isteri berada di luar negara atas urusan kerja. Semasa Bakal Isteri balik pejabat Agama dan Mahkamah telah tutup. Keterangan Pemohon tersebut telah disokong oleh SP1 dan SP2.
- [25] SP1 dalam keterangan kepada Mahkamah menyatakan bahawa SP1 tidak tahu Pemohon kerana kewangan Pemohon dan tanggungan Pemohon. SP1 juga menyatakan bahawa hubungan Pemohon dengan Allah dan masyarakat

sekeliling juga baik. Keterangan Pemohon dan SP1 telah disokong lagi dengan keterangan SP2 dengan menyatakan bahawa SP2 mengenali Pemohon semasa SP2 buat kerja cabinet di SMK Panji Alam. SP2 juga mengakui bahawa Bakal Isteri Pemohon merupakan guru kepada SP2. Malah SP2 dalam keterangan juga menyatakan bahawa wajar Pemohon dibenarkan berkahwin bagi mengelakkan perkara tidak sepatutnya memandangkan Pemohon dan Bakal Isteri kerap berjumpa.

- [26] Dengan ini, Mahkamah berpuas hati bahawa Pemohon telah memenuhi dua syarat pokok bagi keharusan berpoligami sebagaimana yang telah disyariatkan iaitu boleh berlaku adil dan mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan material dan sekaligus menjawab isu persoalan yang pertama.
 - [27] Mahkamah menegaskan bahawa syarat yang telah digariskan oleh syarak ini adalah bertujuan untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga, sama ada keluarga yang sedia ada dan juga yang bakal dibina. Syarat-syarat yang ketat ini seterusnya dikawal oleh perundangan demi melindungi hak wanita daripada dieksplotasi yang mana prinsip keadilan dan pembelaan menjadi dasar dalam berpoligami serta tidak dimanipulasikan.
 - [28] Dari segi perundangan, Mahkamah merujuk kepada **Seksyen 22, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017** memperuntukkan bahawa:
- “Tiada seorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang perempuan lain di mana-mana tempat dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dari Hakim Syarie.”*
- [29] Daripada peruntukkan Seksyen 22 ini jelas bahawa keizinan dari Mahkamah Syariah atau Hakim Syarie adalah perlu bagi mereka yang ingin berpoligami. Ini merupakan satu langkah ke arah mengawal amalan tersebut supaya ia berlaku dengan penuh tanggungjawab tanpa mendatangkan kemudharatan

kepada isteri dan anak-anak hasil perkahwinan yang terdahulu. Bahkan kawalan undang-undang ini juga menjadikan poligami tidak dieksplotasi oleh golongan yang berkepentingan dan tidak pula menyekat golongan yang memerlukan, mampu berlaku adil dan berkemampuan dari segi fizikal dan material untuk melaksanakannya.

- [30] Seterusnya merujuk kepada isu kedua, Mahkamah suka menegaskan di sini, bahawa poligami bukanlah amalan yang dianjurkan, tetapi hanyalah satu amalan yang dibolehkan atas sebab-sebab yang tertentu, iaitu dalam keadaan yang khusus. Jadi poligami merupakan suatu jalan penyelesaian yang diperundang-undangkan oleh Agama ke arah kehidupan berkeluarga yang harmoni. Justeru itu, terdapat beberapa keadaan yang mengharuskan poligami yang mana ia tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa. Syarat-syarat yang ketat sebagaimana yang telah dinyatakan di atas perlu dipadankan dengan sebab-sebab tertentu. Syarat-syarat yang digariskan itu bertindak sebagai kawalan agar poligami berlangsung mengikut sebagaimana yang sepatutnya.
- [31] Berdasarkan kepada keterangan Pemohon dan afidavit yang diikrarkan, alasan Pemohon untuk berpoligami adalah kerana Pemohon mempunyai kemampuan dari segi pendapatan dan kesihatan. Sebagaimana yang telah dinyatakan Mahkamah berpuas hati bahawa Pemohon mempunyai pendapatan yang baik untuk menjamin keteguhan ekonomi rumahtangga dan seorang yang berkemampuan untuk memberi nafkah kepada dua orang isteri. Dari segi kesihatan Pemohon berumur 40 tahun dan tidak menghidap sebarang penyakit kronik. Maka, Mahkamah berpuas hati bahawa pemohon seorang yang sihat tubuh badan dan tiada perkara yang menghalang pemohon daripada bekerja untuk memberi nafkah serta berlaku adil kepada keluarga.
- [32] Suka untuk Mahkamah nyatakan berkahwin serta hidup berkeluarga adalah fitrah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Semenjak dari Nabi Adam a.s, yang mana manusia dijadikan berpasang-pasangan. Perkahwinan merupakan

rahmat dan salah satu tanda yang membuktikan kekuasaan Allah S.W.T. Dengan perkahwinan, seseorang itu dapat menyalurkan kehendak fitrah mengikut apa yang telah diharuskan oleh syarak seperti berkasih sayang dan mengadakan hubungan di antara suami isteri. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nahl ayat 72 yang berbunyi :

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ بَنِينَ وَحَدَّةٌ

Bermaksud :

“Dan Allah S.W.T menjadikan bagi kamu daripada diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri) dan dijadikan bagi kamu daripada pasangan kamu anak-anak dan cucu cicit ...”

- [33] Melalui perkahwinan, tuntutan hawa nafsu dapat disalurkan secara sah. Andaikata tidak ada saluran yang sah, sudah pastinya ramai yang melakukan perbuatan-perbuatan yang menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik dalam masyarakat. Implikasinya terhadap masyarakat sendiri akan menjadi kacau bilau dan rosak binasa dengan lahirnya zuriat-zuriat yang tidak sah melalui hubungan luar nikah. Jelas sekali perkahwinan adalah peraturan Allah SWT untuk menyekat perbuatan maksiat yang akan membawa kesan buruk secara berpanjangan.
- [34] Dalam kes permohonan di hadapan saya ini, Mahkamah berpuas hati bahawa poligami adalah harus dan jalan penyelesaian yang relevan berdasarkan alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh Pemohon. Bukan sahaja Pemohon terlepas daripada melakukan maksiat. Begitu juga dengan bakal isteri mendapat perlindungan daripada seorang lelaki yang bergelar suami.
- [35] Setelah meneliti afidavit yang diikrarkan oleh Pemohon, keterangan pemohon dan keterangan bakal isteri pemohon, wali dan saksi-saksi Mahkamah berpendapat, di sinilah Allah S.W.T membuka pintu keharusan poligami iaitu pada situasi, kondisi serta insan yang benar-benar layak dan mampu

menepati syarat-syarat yang telah digariskan dan diiringi dengan keadaan yang merelevankan poligami itu dilaksanakan. Mahkamah suka menegaskan di sini, bahawa poligami tidak digalakkan sewenang-wenangnya, namun ia juga tidak dihalang secara menyeluruh dan rigid, tidak menghalang golongan yang benar-benar memerlukan, boleh berlaku adil dan mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan material.

- [36] Sebelum Mahkamah memberi keputusan Mahkamah juga telah mengingatkan Pemohon untuk mengambil serius dalam permohonan ini dan tidak leka sehingga menyebabkan Perintah ini tamat tempoh.
- [37] Setelah Mahkamah berpuashati dengan permohonan Pemohon ini, dengan ini Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon dan memberi kebenaran kepada Pemohon untuk berkahwin dengan JAMIMI BINTI JANNAH.

Kebenaran diberi untuk berpoligami kepada:

PQRS BIN SSTU

NO. KP : XXX405-11-54XX

Berkahwin dengan

JAMIMI BINTI JANNAH

NO. KP : XXX713-11-58XX/*